



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	2/9/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN
		MUKA SURAT : 36

To'ek jadi peneman Umi

Spesies enggang bukit itu dijaga tiga bulan lalu

ROSILAWATI ROSEDI

JERANTUT

Tidak semua individu bernasib baik dapat memegang dan mendukung burung enggang gunung yang sukar ditemui di hutan negara ini.

Bagaimanapun, wanita Orang Asli dari suku kaum Bateq, Umi, 37 di Kampung Aur, Kuala Tahan ini bertuah kerana dapat menjaga burung itu malah sudah menganggap seperti anaknya sendiri.

Burung yang diberi nama To'ek itu, dijumpai abang saudaranya di hutan ketika memburu dan dipercayai terjatuh dari sarang.

Katanya, To'ek menjadi peneman setia sejak kehilangan suaminya pada awal tahun lalu dan tidak akan



Nasi dan pisang antara makanan kegemaran To'ek.

terbang jauh serta segera ke arah Umi jika dipanggil.

"Saya ambil To'ek masa dia belum tumbuh bulu, tiga bulan lalu dan menjadi peneman setia saya selama ni. Saya beri dia apa yang saya makan.

"Masa kecil dia duduk dalam rumah, saya bagi dia makan pisang dengan nasi, sekarang dia dah pandai

terbang. Bila lapar nanti dia balik," kata Umi.

Umi ditemui ketika kunjungan NGO sempena penyerahan pengecas lampu solar mudah alih di perkampungan tersebut baru-baru ini.

Enggang gunung itu atau nama saintifiknya Wreathed Hornbill antara spesies enggang yang terdapat di hutan hujan tropika dan

sukar ditemui.

Ia antara spesies hidupan liar yang dilindungi oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta antara enam spesies enggang yang terdapat di Taman Negara Kuala Tahan.

Umi memberitahu, kini 'anak angkatnya' itu dibiarkan bebas selepas mampu



Umi bersama To'ek yang menjadi penghiburnya.

terbang dan akan pulang apabila lapar.

"Saya biar dia nak terbang pergi mana, bila lapar dia balik, dia menjerit lapar saya bagi makan nasi atau pisang, lepas tu dia terbang semula," katanya.

Umi juga tidak menghalang 'anak angkatnya' itu pulang ke hutan semula suatu hari nanti kerana sedar

tempat itu habitat burung terbabit.

"Jika To'ek nak masuk hutan semula biar lah. Rumah dia di sana. Sebelum ini saya jaga sebab masih kecil dan jika tak bagi makan nanti lapar," katanya.